

MOSTI rangka kod etika AI

Oleh [Fahmy A Rosli](#) - September 18, 2023 @ 11:03am
fahmy.azril@bh.com.my



KUALA LUMPUR: Kerajaan sedang merangka kod etika kecerdasan buatan (AI) untuk panduan pembangunan teknologi itu di negara ini secara bertanggungjawab dan dipercayai, sekali gus menangani isu yang dijangka tercetus.

Usaha membangunkan Kod Etika AI dan Prinsip AI diterajui Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) itu susulan beberapa isu ketara mengenai etika AI yang dikenal pasti, khususnya berkaitan privasi dan sekuriti, selain kesannya kepada kehidupan manusia.

Ketua Setiausaha MOSTI, Datuk Dr Aminuddin Hassim, berkata apabila siap kelak kod etika berkenaan boleh menjadi panduan untuk jabatan dan agensi kerajaan, industri dan sektor pendidikan serta orang awam sebagai pengguna akhir.

"Kehadiran AI dalam kehidupan manusia perlu diberi perhatian kerana teknologi itu bakal menggantikan sumber manusia sehingga isu kehilangan pekerjaan. Ia tidak dapat disangkal seperti juga rekaan, ciptaan dan perkembangan teknologi sejak berkurun dahulu yang menggantikan pekerjaan sedia ada.



Ketua Setiausaha MOSTI, Datuk Dr Aminuddin Hassim. - Foto Bernama

"Persoalan yang lebih tepat untuk kita tangani ialah bagaimana kita boleh meminimumkan impak dengan memberikan peluang dari segi peningkatan kemahiran atau upskilling dan latihan kemahiran semula atau reskilling kepada pekerja.

"Jadi, MOSTI sedang mengambil langkah melalui Pelan Tindakan AI berkaitan dengan governan, perundangan dan etika, untuk mengawal selia AI susulan ancaman yang sedia ada dan bakal timbul kesan penggunaan teknologi terbabit," katanya kepada BH.

Inisiatif bagi mengawal selia teknologi baharu itu dirangka berdasarkan saranan Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) mengenai Etika AI yang diperkenalkan pada November 2021.

Tujuh tumpuan

Di bawah Prinsip AI yang bertanggungjawab, tujuh tumpuan ditetapkan demi melindungi manusia, iaitu saksama; kebolehpercayaan, keselamatan dan kawalan; privasi dan sekuriti; keterangkuman; ketelusan; akauntabiliti serta mengejar faedah dan kebahagiaan manusia.

Pembangunan Kod Etika AI dan Prinsip AI itu turut membabitkan kerjasama institusi pengajian tinggi (IPT) seperti Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), Cybersecurity Malaysia (CSM) serta Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM).

Pada 26 Jun lalu, Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar memberi amaran AI boleh menyebabkan kemelesetan pasaran pekerjaan kerana teknologi itu sudah digunakan untuk automasi tugas dalam pelbagai industri, termasuk pembuatan, penjagaan kesihatan dan khidmat pelanggan.

Dianggarkan, 4.5 juta rakyat Malaysia berisiko hilang pekerjaan menjelang 2030 sekiranya tidak meningkatkan kemahiran atau menjalani latihan kemahiran semula.

AI juga membuka peluang untuk penjenayah siber melakukan klon suara sehingga hampir tidak dapat dibezakan dengan percakapan manusia, berikutan pelbagai aplikasi tersedia secara percuma di internet untuk mencipta suara AI dengan mencuri sampel suara sebenar manusia.

Mengulas lanjut, Aminuddin berkata, terdapat lapan pelan tindakan sedang dilaksanakan di bawah Jawatankuasa Kerja 1: Perundangan dan Etika yang berperanan untuk merangka penyelesaian perundangan yang mengekang pembangunan inovasi teknologi AI.

Ia, katanya, bagi memastikan semua inisiatif yang dilaksanakan bagi pembangunan teknologi terkini itu adalah mengikut prinsip dan garis panduan yang bertanggungjawab serta mematuhi akta berkaitan.

Sementara menunggu perundangan mengenai AI siap digubal, Aminuddin berkata, MOSTI dalam usaha membangunkan garis panduan AI dalam aspek governan dan etika berserta rangka kerja sebagai salah satu langkah untuk mengawal selia teknologi itu.

"Kerajaan sedang melaksanakan kajian mendalam berkenaan perundangan dan kawal selia berkaitan AI di bawah undang-undang Malaysia," katanya.